

Cari formula pulih segera hubungan Pak Lah, Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Kekeliruan hubungan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Tun Dr Mahathir Mohamad akan segera diselesaikan kerana ia memberi kesan kepada negara, kata Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, hubungan baik bekas Perdana Menteri yang mengkritik kepimpinan Perdana Menteri itu perlu dipulihkan melalui formula yang difikirkan sesuai supaya tidak berlautan hingga menjejaskan parti pada pilihan raya kelak.

"Sudah banyak isu dibangkitkan dan bukan semudah yang kitalihat secara kasar apa sebenar di sebalik perkara itu. Bagaimanapun, peringkat Majlis Tertinggi (MT) memang faham perkara itu tetapi insyAllah kita tidak mahu melihat ia berlarutan sampai tiada kesudahan.

"Sudah ada komen di luar yang bimbang situasi dalam negara, takut imej Malaysia terjejas. Dalam negara juga ada kebimbangan masyarakat lain bahawa seolah-olah ada konflik.

"Ini membawa kesan tidak positif

sedangkan dalam situasi sekarang kita mahu menumpukan kepada pembangunan termasuk Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)." katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Wanita dan Puteri Umno bahagian Seputeh di sini, semalam.

Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, usaha itu mengambil sedikit masa tetapi semua pihak terutama pimpinan sekarang tidak mahu ia berterusan.

Mengenai cadangan Tengku Razaleigh Hamzah supaya Dr Mahathir bersemuka dengan Abdullah bagi menyelesaikan perkara itu, Muhyiddin berkata, Perdana Menteri lebih bijak memikirkan cara terbaik tetapi secara peribadi beliau menyifatkan pertemuan itu mungkin tidak salah jika sesuai dengan caranya.

Katanya, walaupun dilihat ada pertembungan di pihak kerajaan memberi penjelasan manakala di pihak Dr Mahathir turut menjelajah negara, keadaan dapat dipulihkan jika semua pihak bersikap terbuka.



JUMPA LAGI: Muhyidin bersalaman dengan beberapa anggota wanita Umno selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita dan Puteri Umno bahagian Seputeh di Kuala Lumpur, semalam.